

03/05/2003

Serangan media antara hukuman, tekanan Amerika

Prof Madya Dr Azmi Hassan

SEMEMANGNYA menyakitkan hati apabila membaca tulisan Christopher Lockwood

dalam majalah The Economist keluaran 5-11 April 2003. Sakit hati kerana Lockwood sengaja memperlekehkan sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap rakyat dan negara. Walaupun tulisan itu mempunyai sembilan bahagian rencana yang berlainan, hasrat tersurat Lockwood adalah jelas dan nyata iaitu memperkecil dan memburukkan Dr Mahathir.

Tetapi, apa yang lebih penting ialah tujuan tersirat mengapa tulisan itu

menjadi sedemikian rupa. Nada rencana itu boleh dianggap sebagai mukadimah

terhadap kesan yang dijangkakan kepada negara yang menentang pencerobohan

Iraq. Jika negara dalam pakatan penceroboh akan menerima habuan kerana menyokong tindakan ketenteraan Amerika Syarikat (AS), maka negara yang tidak berada dalam pakatan penceroboh sudah pasti akan menerima hukuman setimpal.

Malaysia, walaupun sebuah negara kecil, mempunyai pengaruh yang besar terutama terhadap negara Islam dan sedang membangun. Lebih-lebih lagi Malaysia adalah pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan bakal menjadi pengerusi Persidangan Negara Islam (OIC), maka setiap tindakan Malaysia sudah pasti akan mendapat perhatian AS.

AS ketika ini giat mengatur langkah untuk menghukum negara yang menentang pencerobohan ke atas Iraq. Jika hukuman dalam bentuk ketenteraan

tidak dapat dilakukan, maka ugutan dalam bentuk ekonomi, strategik dan politik pula digunakan. Contoh yang ketara dapat dilihat dalam pembahagian

kontrak pembangunan semula Iraq di mana negara penentang seperti Perancis,

Jerman dan Russia diketepikan.

Colin Powell, Setiausaha Negara AS ketika melancarkan Majlis AS-Asia Pasifik beberapa hari lepas dengan jelas menyatakan bahawa ganjaran dan hukuman dalam bentuk ekonomi akan digunakan kepada negara-negara tertentu.

Negara Asia Pasifik seperti Singapura, Australia, Korea Selatan, Jepun dan Filipina yang menjadi sekutu pencerobohan sudah pasti akan menerima habuan yang setimpal, tambah Powell.

Singapura umpamanya yang sedang mengatur langkah untuk menanda tangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan AS sudah menerima layanan istimewa dari Presiden George W Bush.

Bush dengan senang hati dapat meluangkan masa untuk bertemu dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan seterusnya menanda tangani persefahaman FTA pada 6 Mei akan datang di Washington.

Duta Singapura ke AS iaitu Chan Heng Chee tanpa segan silu menyatakan bahawa ganjaran dalam bentuk ekonomi dan strategik sememangnya diharapkan

kerana Singapura tambah beliau, bukan saja sekadar rakan AS, tetapi adalah sekutu untuk melucutkan senjata Iraq. Begitulah sikap sesetengah negara yang mementingkan diri sendiri sehingga mengaburi realiti.

Thailand, seperti juga Singapura sedang mengusahakan persefahaman FTA dengan AS. Tetapi oleh kerana Thailand tidak berada dalam pakatan penceroboh, layanan istimewa seperti yang diberikan kepada Singapura tidak pula diberikan kepada Thailand. Malah ada ura-ura yang mengatakan AS tidak akan menanda tangani persefahaman FTA dengan Thailand sebagai hukuman kerana tidak menyokongnya.

Apa yang membimbangkan ialah AS akan menggunakan FTA Singapura sebagai pintu belakang untuk memasuki pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dalam bidang seperti perkhidmatan, perbankan, telekomunikasi dan insuran.

Walaupun dalam pakatan Asean hanya Singapura dan Filipina yang berada dalam sekutu penceroboh, melalui FTA dengan Singapura, AS mempunyai ruang yang lebih selesa untuk mempengaruhi Afta. Asean yang mempunyai penduduk lebih 500 juta adalah rakan dagang AS yang penting di mana jumlah eksport AS menjangkau sehingga RM150 bilion, iaitu jumlah eksport keempat terbesar untuk AS.

AS tidak akan teragak-agak untuk menghukum negara yang menentang dan hukuman yang diberikan dibentuk sedemikian rupa supaya penerima hukuman akan tertekan, tetapi sebaliknya negara sekutu AS akan mendapat faedah dari hukuman ini. FTA AS-Singapura menyerlahkan lagi niat sebenar AS.

AS juga tidak akan teragak-agak untuk menghukum rakyatnya sendiri yang menentang pencerobohan Iraq. Malah, Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld telah melakukan lebih dari yang dijangkakan. Selepas berjaya menakluki Iraq dengan mudah, Rumsfeld mula menggunakan kemenangan itu untuk menghapuskan pegawai tertinggi tentera AS yang menentang beliau.

Mangsa pertama ialah Setiausaha Tentera Darat, Thomas White yang telah ditekan sehingga terpaksa meletak jawatan secara mendadak. White, walaupun tidak ada kena mengena dengan penentangan pencerobohan Iraq, telah banyak kali bertelagah dengan Rumsfeld mengenai dasar dan doktrin pertahanan AS.

Jeneral Tommy Franks, komander yang bertanggungjawab di atas kemenangan tentera penceroboh dan yang telah memberi sokongan padu kepada Rumsfeld ketika beliau dikritik dengan hebat pada minggu kedua pencerobohan dijangka diberikan jawatan yang dikosongkan oleh White.

Tidak syak lagi bahawa AS akan mempergunakan apa saja langkah untuk menghukum negara yang menentang dasar perang mereka. AS juga akan menghadihkan habuan kepada negara yang menyokong mereka. Tetapi, habuan yang diberikan itu berkait dengan hukuman yang diterima oleh negara lain dan setiap langkah yang diambil pasti akan menguntungkan AS.

Hukuman dan habuan dalam bentuk persefahaman FTA yang berlaku di antara AS, Singapura dan Thailand menunjukkan strategi sebenar AS. Singapura

akan

mendapat keuntungan dan Thailand pula menerima akibat hukuman. Tetapi, yang lebih penting ialah AS akan mendapat keuntungan lebih besar.

Malaysia perlu mengatur strategi bagaimana untuk menangani strategi AS yang berselindung di sebalik ingin menghapuskan keganasan dengan mengenakan sekatan dalam bentuk ekonomi, politik dan strategik. AS akan menggunakan Singapura dan Filipina untuk mempengaruhi Asean sementara Australia, Jepun dan Korea Selatan akan digunakan untuk mempengaruhi rantau Asia Pasifik.

Langkah yang diambil oleh Perancis, Jerman, Belgium dan Luxembourg untuk

membentuk perjanjian pertahanan di luar Pakatan Perjanjian Atlantik Utara

(Nato) adalah strategi proaktif untuk mengekang pengaruh sekutu kuat AS iaitu Britain, Itali dan Sepanyol.

Tulisan yang berbau penghinaan seperti yang tersiar dalam The Economist

tidak lain daripada hanya satu tekanan kepada pemimpin negara supaya tidak

begitu lantang mengkritik dasar luar AS. Peranan Malaysia sebagai pengerusi NAM dan OIC tidak lama lagi pasti menjadikan Malaysia antara sasaran utama AS.

Serangan dari media pasti akan menjadi lebih hebat pada masa akan datang. Rakyat Malaysia perlu lebih matang untuk menilai niat sebenar tulisan yang sedemikian rupa. Tetapi yang lebih penting ialah rakyat Malaysia hendaklah lebih bersedia untuk menerima tekanan dan hukuman dalam

bentuk ekonomi, politik dan strategik yang lebih hebat.

Kita tidak perlu melatah atau melenting tanpa arah tujuan apabila tindakan demikian dilancarkan, tetapi beberapa strategi perlu difikirkan untuk mengekang kesan serangan itu. Strategi yang dibentuk mestilah memberi manfaat kepada rakyat dan negara tetapi tidak sehingga menggadai maruah dan pendirian kita.